

Newspaper	Berita Harian
Date	26/08/2017B

Contohi kejayaan Johor Bahru di bandar: Najib

BH - 26/8/2017 pg. 4

Johor Bahru: Datuk Seri Najib Razak mahu kejayaan UMNO Johor Bahru mengekalkan sokongan dalam kawasan bandar dijadikan iktibar dan contoh.

Presiden UMNO juga mahu pendekatan dan kejayaan Johor Bahru mendepani cabaran politik kompleks dijadikan contoh pemimpin parti lain.

“Kita boleh ambil iktibar jadian kejayaan UMNO Johor Bahru ini sebagai ‘template’, bagaimana pendekatan kita di kawasan bandar, perbandaran yang semestinya politiknya lebih kompleks dan mencabar tidak semata-mata kepada soal pembangunan sahaja.

“Kita mesti melebarkan UMNO dan BN (Barisan Nasional) supaya

dapat memenuhi aspirasi cita rasa dan gol (sasaran) di bandar yang lebih terpelajar dan perspektif berbeza dengan (kawasan) luar bandar,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Johor Bahru, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dan Ketua UMNO Bahagian Johor Bahru, Tan Sri Shahrir Abd Samad.

Najib berkata, di kawasan bandar, UMNO bukan sahaja perlu melakukan politik bersifat terbuka, tetapi bersifat lebih inklusif dan tidak semata-mata men-



Di kawasan bandar, UMNO bukan sahaja perlu melakukan politik bersifat terbuka, tetapi bersifat lebih inklusif dan tidak semata-mata menjaga orang UMNO”

Najib Razak,
Presiden UMNO

jaga orang UMNO.

Sementara itu, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Johor, Mohamed Khaled Nordin, ketika berucap pada majlis sama, mahu Shahrir selaku Ahli Parlimen Johor Bahru, terus mewakili kerusi terabit kerana keyakinan kepada ikon politik itu yang berwibawa dan disegani.

Bahagian sangat istimewa

“Johor Bahru adalah bahagian yang sangat istimewa khususnya kepada UMNO Johor dengan dipimpin oleh tokoh besar yang sangat dihormati, tokoh yang tidak asing, yang benar-benar ‘menghidupkan’ UMNO.

“Tan Sri Shahrir ini sendiri ada-

lah individu yang benar-benar sudah teruji dan terbukti. Perjuangannya, peribadinya dan khidmat baktinya adalah cerminan dan terjemahan sebenar penghayatan ideologi UMNO,” katanya.

Mohamed Khaled berkata, Johor Bahru adalah bahagian yang istimewa kepada UMNO kerana menjadi bukti jelas parti itu boleh bertapak kukuh dan memimpin di kawasan bandar.

“UMNO Johor Bahru bukan sahaja menjadi juara orang Melayu, malah ia mewakili masyarakat Malaysia yang ‘urban’. Penduduk bandar yang berpendidikan, yang pelbagai kaum, yang mempunyai taraf hidup dan pendedahan yang jauh lebih baik,” katanya.

